

Mangsa banjir di Batu Pahat meningkat 50,960 orang

JOHOR BAHRU 21 Jan. - Mangsa banjir di Batu Pahat meningkat kepada 50,960 orang berbanding 49,019 orang setakat pukul 10 malam ini berikutan paras air yang naik semula.

Difahamkan, hujan yang melanda menyebabkan empangan di daerah tersebut melimpahkan air ke kawasan-kawasan yang sebelum ini mulai surut.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Johor, jumlah keluarga mangsa banjir yang dicatatkan di Batu Pahat adalah 12,028 keluarga manakala 115 pusat pemindahan sementara beroperasi di seluruh negeri.

"Secara keseluruhan, jumlah mangsa banjir di negeri Johor adalah 51,197

orang melibatkan 12,094 keluarga," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, dua daerah lain di negeri Johor yang masih menempatkan mangsa banjir adalah Kota Tinggi sebanyak 180 orang dan Muar yang mencatatkan jumlah mangsa sebanyak 57 orang.

Jelasnya, berikutan banjir yang berla-

ku, beberapa jalan di daerah Batu Pahat terus ditutup termasuk Jalan Yong Peng-Parit Sulong, Jalan Sengkuang-Seri Bengkal dan Jalan Seri Pasir ke Seri Medan.

Katanya, sehingga kini, pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai korban terbaru akibat banjir di negeri Johor.